
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTW 252 – PERLAKUAN ORGANISASI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukan 100 markah.

1.

Dalam satu bengkel dinamika kumpulan yang diadakan, peserta-peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan dianggotai oleh 6 orang peserta. Setiap kumpulan diminta mencipta nama dan logo kumpulan masing-masing berdasarkan huruf pertama nama mana-mana ahli. Mereka dbolehkan membeli huruf-huruf lain tetapi ditolak satu markah bagi setiap huruf yang dibeli. Kumpulan diberi masa 20 minit untuk menyiapkan tugas ini.






Salah satu kumpulan mengandungi peserta-peserta yang bernama Karen, Rosman, Muniandy, Sarimah, Leong dan Jimpun. Setelah sepuluh minit berlalu, mereka masih gagal untuk mencipta nama kumpulan. Akhirnya Sarimah mengangkat muka dan bertanya kalau ada sesiapa yang telah mendapatkan idea. Masing-masing hanya menggelengkan kepala. Sarimah terus mengeluh.

Dalam pada itu, Rosman mencadangkan mereka membeli sahaja huruf-huruf yang perlu kerana kesuntukan masa. Karen turut bersetuju dengan mengatakan bahawa ianya lebih mudah begitu dan tidak perlu berfikir banyak-banyak. Akhirnya Muniandy, yang selama ini banyak termenung dan berfikir, mencadangkan mereka membeli dua huruf A dan memberi nama kumpulan mereka "MARKAS". Leong dan Jimpun hampir serentak berkata "OK" dan ahli-ahli kumpulan yang lain mengangguk kepala. Jimpun dengan segera terus membentuk logo berdasarkan nama kumpulan yang dipersetujui itu.

Berasaskan senario dinamika kumpulan di atas:

- (a) Buat klasifikasi perilaku setiap ahli kumpulan berlandaskan ciri-ciri DISC (Dominan, Mempengaruhi/Influence, Stabil/Steadiness dan Kepatuhan/Compliance); dan
(50 markah)
 - (b) Terangkan secara ringkas ciri-ciri lazim, kehendak (wants), keperluan (needs) dan kelemahan diri bagi setiap klasifikasi perilaku tersebut.
(50 markah)
2. "Kepimpinan Transformatif dapat mempergunakan kuasa posisinya serentak dengan kuasa personaliti serta berwawasan. Pemimpin yang sebegini merupakan seorang pembentuk pasukan (team-builder), pendorong (motivator), pemantau (enquirer), mesra, berintegriti dan dipercayai, seorang penghubung (komunikator), bersedia berkongsi maklumat, menunjuk arah sambil tegas namun sentiasa mengutamakan kebijakan subordinatnya". Bincangkan kenyataan di atas dan berikan contoh kepimpinan sedemikian dalam satu organisasi yang anda ketahui.
(100 markah)

3.



Gambarajah-gambarajah di atas menunjukkan struktur-struktur organisasi berbentuk Mekanistik dan Organik. Terangkan

- (a) perbezaan antara kedua-dua bentuk tersebut dengan mengupas ciri-ciri tersendiri bagi setiap bentuk berkenaan serta

(50 markah)

- (b) jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk membentuk dua struktur yang berbeza ini.

(50 markah)

4. Budaya boleh ditakrifkan sebagai "satu kerangka asas yang mencakupi kepercayaan dan andaian; sikap, perasaan dan minat serta nilai dan norma individu yang dikongsi bersama oleh anggota organisasi. Kerangka ini mempengaruhi perlakuan anggota organisasi semasa bertindak dan berinteraksi secara dalaman dan luaran di dalam mendukung falsafah dan matlamat organisasi". Di dalam konteks organisasi di Malaysia, tiga kelompok budaya dikenali sebagai intra-budaya, inter-budaya dan rentas-budaya. Apakah yang anda faham tentang ketiga-tiga kelompok ini?

(100 markah)

5. Kurt Lewin, seorang ahli psikologi, mengutarakan dua teori utama mengenai kaedah mengurus perubahan. Pertamanya mengenai dwi kuasa perubahan iaitu faktor-faktor pendorong dan penolak dan keduanya langkah-langkah cair, gerak dan beku. Jelaskan apakah:

- (a) Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perubahan kepada sesebuah organisasi? dan

(50 markah)

- (b) Bagaimana mencairkan tentangan terhadap perubahan, melaksanakan langkah-langkah mengatasi perubahan dan mengekalkan sesuatu suasana kerja yang responsif kepada perubahan.

(50 markah)